

Publication: Berita Harian

Date: Tuesday, 10 December 2019

Page: P1

Headline: Projek 'telefon bijak' bantu ubah kehidupan

Link: <https://www.beritaharian.sg/setempat/projek-telefon-bijak-bantu-ubah-kehidupan>

Projek 'telefon bijak' bantu ubah kehidupan



KONGSI PANDANGAN: Cik Mirah (*kiri*) berkongsi pandangannya dengan Cik Sim Ann sebelum majlis pelancaran berlangsung. – Foto BH oleh MARCELLIN LOPEZ

► **FARID HAMZAH**
farid@sph.com.sg

BANDUAN yang baru bebas penjara bakal menerima telefon bijak percuma yang dilengkapi pelan telefon data tanpa had dan satu aplikasi baru menyediakan platform perhubungan dengan Persatuan Syarikat Kerjasama Perusahaan dan Perkhidmatan (Iscos).

Ia adalah usaha membantu mereka membiasakan diri dengan teknologi dan trend terkini.

Sekitar 500 bekas banduan yang sudah menjalani hukuman tiga tahun atau lebih lama, dijangka memanfaatkan telefon dengan pelan data selama enam bulan itu.

Ia merupakan Projek "Memberikan Talian, Mengubah Kehidupan"

yang dilancarkan Menteri Negara Kanan (Perhubungan dan Penerangan merangkap Kebudayaan, Masyarakat dan Belia), Cik Sim Ann, semalam,

Bercakap semasa majlis pelancaran aplikasi telefon dan penajaan telefon bijak berserta pelan di Rumah Peralihan Selarang, Cik Sim Ann menganggap projek tersebut membina tulang sokongan bagi penerima bantuan dalam perjalanan bersepadu dengan masyarakat.

"Membiasakan diri dengan teknologi digital kini merupakan satu keperluan sebagai sebahagian usaha penyepaduan semula dalam masyarakat.

"Kita bukan sekadar gunakan teknologi digital untuk berhubung antara satu sama lain, malah membuat penyelidikan mengenai infor-

"Membiasakan diri dengan teknologi digital kini merupakan satu keperluan sebagai sebahagian usaha penyepaduan semula dalam masyarakat. Kita bukan sekadar gunakan teknologi digital untuk berhubung antara satu sama lain, malah membuat penyelidikan mengenai informasi dan mengakses sumber dalam talian."

– Menteri Negara Kanan (Perhubungan dan Penerangan merangkap Kebudayaan, Masyarakat dan Belia), Cik Sim Ann.

masi dan mengakses sumber dalam talian.

"Kita juga giat gunakan teknologi digital untuk buat bayaran dalam talian dan mengakses khidmat pemerintah," katanya.

Semasa ditemui, penerima bantuan, Encik Rahman (bukan nama sebenar), 41 tahun, berkata:

"Meskipun kami telah pelajari tentang penggunaan aplikasi semasa di penjara, tapi masih banyak yang perlu saya pelajari.

"Yang pasti, dapat saya gunakan telefon ini untuk kegunaan semasa di tempat kerja, selain berkomunikasi dengan keluarga semasa saya ada masa lapang," kata bapa tiga anak yang kini menjalani program pemulihan di Pusat Pemantauan Masyarakat Lloyd Lead di Cosford Road. – Laporan lanjut di Muka 4.

Original Text:

Projek 'telefon bijak' bantu ubah kehidupan

Farid Hamzah

Banduan yang baru bebas penjara bakal menerima telefon bijak percuma yang dilengkapi pelan telefon data tanpa had dan satu aplikasi baru menyediakan platform perhubungan dengan Persatuan Syarikat Kerjasama Perusahaan dan Perkhidmatan (Iscos).

Ia adalah usaha membantu mereka membiasakan diri dengan teknologi dan trend terkini.

Sekitar 500 bekas banduan yang sudah menjalani hukuman tiga tahun atau lebih lama, dijangka memanfaatkan telefon dengan pelan data selama enam bulan itu.

Ia merupakan Projek "Memberikan Talian, Mengubah Kehidupan" yang dilancarkan Menteri Negara Kanan (Perhubungan dan Penerangan merangkap Kebudayaan, Masyarakat dan Belia), Cik Sim Ann, semalam.

Bercakap semasa majlis pelancaran aplikasi telefon dan penajaan telefon bijak berserta pelan di Rumah Peralihan Selarang, Cik Sim Ann menganggap projek tersebut membina tunggak sokongan bagi penerima bantuan dalam perjalanan bersepadu dengan masyarakat.

"Membiasakan diri dengan teknologi digital kini merupakan satu keperluan sebagai sebahagian usaha penyepaduan semula dalam masyarakat."

"Kita bukan sekadar gunakan teknologi digital untuk berhubung antara satu sama lain, malah membuat penyelidikan mengenai informasi dan mengakses sumber dalam talian."

"Kita juga giat gunakan teknologi digital untuk buat bayaran dalam talian dan mengakses khidmat pemerintah," katanya.

Semasa ditemui, penerima bantuan, Encik Rahman (bukan nama sebenar), 41 tahun, berkata:

"Meskipun kami telah pelajari tentang penggunaan aplikasi semasa di penjara, tapi masih banyak yang perlu saya pelajari."

"Yang pasti, dapat saya gunakan telefon ini untuk kegunaan semasa di tempat kerja, selain berkomunikasi dengan keluarga semasa saya ada masa lapang," kata bapa tiga anak yang kini menjalani program pemulihan di Pusat Pemantuan Masyarakat Lloyd Lead di Cosford Road.
– Laporan lanjut di Muka 4.



Translation:

'Smart Phone' Project helps to change lives

By Farid Hamzah

Newly released ex-offenders will receive free smartphones with unlimited data mobile plans, and a new application as a platform of communication with the Industrial & Services Co-Operative Society (Iscos).

This is an effort to help them get used to the latest technology and trends.

About 500 ex-offenders who served a sentence of three years or longer are expected to benefit from the free phones with six-months plan.

Named as Project 'Give A Line, Change A Life' (Project), the new initiative was launched by Ms Sim Ann, Senior Minister of State, Ministry of Communications and Information & Ministry of Culture, Community and Youth, yesterday.

Speaking at the launch of the ISCOS Mobile App and the Project at the Selarang Halfway House, Ms Sim viewed the project as an important support for the beneficiaries in their reintegration journeys back to society.

"Familiarity with digital technology is now an essential part of reintegration into society."

"We not only use digital technology to communicate with one another, but also to search for information and access online resources."

"Increasingly, we will also need to use digital technologies to make online payments, and access Government services," she said.

At the launch, 41 year old Mr Rahman (not his real name) said, "Although we had learnt about using mobile app in prison, there is still a lot I need to learn."

"What is certain is that I can use this phone at work, other than communicating with my family when I have time," said the father of three who is currently undergoing a rehabilitation programme at the Lloyd Leas Community Supervision Centre at Cosford Road. – more on page 4.

Publication: Berita Harian

Date: Tuesday, 10 December 2019

Page: P4

Headline: Telefon bimbit bekas banduan dilengkapi aplikasi hubungkan Iscos, majikan

Link: <https://www.beritaharian.sg/setempat/telefon-bimbit-bekas-banduan-dilengkapi-aplikasi-hubungkan-iscos-majikan>

Berita



MANFAAT APLIKASI Cik Mirah (kiri) menunjuk ajar Enuk Rahman kandungan yang terdapat dalam aplikasi baru Iscos termasuk acara dan anisett, pendaftaran untuk acara serta membuat temu janji bagi dapatkan bantuan persatuan itu. - Foto BH oleh MARCELLIN LOPEZ

Telefon bimbit bekas banduan dilengkapi aplikasi hubungkan Iscos, majikan

► FARID HAMZAH
far@spg.com.sg

HAMPPIR empat tahun Cik Mirah (bukan nama sebenar) meringkuk dalam penjara atas kesalahan mengambal dadah.

Sepanjang tempoh itu, terimas dalam lubuk fikiran tentang persiapannya menyesuaikan diri dengan masyarakat - terutama dengan majikan barunya.

"Semasa dalam penjara, kami diajar tentang aplikasi teknologi digital dan bagaimana ia akan menjias kehidupan kami apabila bebas kelak.

"Lebih penting lagi semasa kami mula bekerja kerana perlu berkomunikasi dengan majikan.

"Tapi saya juga terfikir bagaimana saya hendak berkomunikasi sedangkan telefon bimbit saya sudah rosak," ujur ibu empat anak itu, yang dibebaskan pada 25 November lalu.

Mujur baginya dan beberapa bekas banduan lain yang senasib dengannya, mereka diperkenalkan kepada Iscos dan mendapat tahu tentang projek "Memberikan Talian, Mengubah Kehidupan".

Di bawah projek itu, bekas banduan yang baru bebas penjara bakal menerima sebuah telefon bijak, yang dilengkapi pelan telefon data tanpa had selama enam bulan.

Telefon bimbit itu juga dilengkapi satu aplikasi baru, yang menyediakan platform perhubungan dengan Persatuan Syarikat Kerjasama Perusahaan dan Perkhidmatan (Keses).

Dianggarkan sekitar 500 bekas banduan dijangka memanfaatkan projek itu yang bakal berlangsung selang setahun.

Ia merupakan projek hasil tajaan Food Enpire Holdings Ltd dan Zero1 Pte Ltd.

Kini Cik Mirah yang bekerja sebagai pelayan di sebuah restoran, bukan sekadar menggunakan telefon bimbitnya untuk melangsuri perkhidmatan pemerintah, beliau turut menggunakannya untuk membuat dan menerima bayaran, termasuk gaji daripada majikannya.

Suorang lagi bekas banduan, Enuk Rahman (juga bukan nama sebenar), 41 tahun, menyedari betapa pentingnya telefon bimbit sejak semasa dalam penjara.

Bapa tiga anak yang telah menghabiskan sekitar 20 tahun di balik jeruji, selepas cuam kali keluar masuk penjara, mengakui beliau masih terkial-kial untuk membiasakan diri dengan penggunaan telefon bijak.

"Anak lelaki saya masih hadapi masalah untuk masuk gunakan kata kunci untuk melangsuri e-mel saya, apatah lagi laman pemerintah.

"Tapi saya akan terus belajar untuk biasakan diri dengan penggunaan telefon bijak," katanya.

Semasa ditemui, Pengerusi Eksekutif Food Enpire Holdings Limited, Enck Tan Wang Cheow, berkata:

"Dalam konteks hari ini, perhubungan menjadi kian penting untuk kehidupan seseorang."

"Justeru kami menyokong projek ini bagi memantapkan penerima bantuan dihubungkan semula kepada masyarakat, dan terutamanya Iscos."

Ketua Pegawai Eksekutif (CEO) Zero1 Pte Ltd, Enck Stuart Tan, pula berharap telefon bijak dan data telefon tanpa had itu akan dapat meringankan beban kewangan sedang golongan tersebut berintegrasi dengan masyarakat.

Setiap tahun, Iscos menerima antara 800 dengan 1,000 bekas banduan sebagai anggota baru dan juga membantu ratusan anggota lain yang sedia ada berdasarkan keperluan mereka yang berbeza.

Original Text:

Telefon bimbit bekas banduan dilengkapi aplikasi hubungkan Iscos, majikan

Farid Hamzah

Hampir empat tahun Cik Mirah (bukan nama sebenar) meringkuk dalam penjara atas kesalahan mengambil dadah.

Sepanjang tempoh itu, terlintas dalam lubuk fikiran tentang persiapannya menyesuaikan diri dengan masyarakat – terutama dengan majikan barunya.

“Semasa dalam penjara, kami diajar tentang aplikasi teknologi digital dan bagaimana ia akan menjejaskan kehidupan kami apabila bebas kelak.”

“Lebih penting lagi semasa kami mula bekerja kerana perlu berkomunikasi dengan majikan.”

“Tapi saya juga terfikir bagaimana saya hendak berkomunikasi sedangkan telefon bimbit saya sudah rosak,” ujar ibu empat anak itu, yang dibebaskan pada 25 November lalu.

Mujur baginya dan beberapa bekas banduan lain yang senasib dengannya, mereka diperkenalkan kepada Iscos dan mendapat tahu tentang projek “Memberikan Talian, Mengubah Kehidupan”.

Di bawah projek itu, bekas banduan yang baru bebas penjara bakal menerima sebuah telefon bijak, yang dilengkapi pelan telefon data tanpa had selama enam bulan.

Telefon bimbit itu juga dilengkapi satu aplikasi baru, yang menyediakan platform perhubungan dengan Persatuan Syarikat Kerjasama Perusahaan dan Perkhidmatan (Iscos).

Dianggarkan sekitar 500 bekas banduan dijangka memanfaatkan projek itu yang bakal berlangsung sehingga tahun depan.

Ia merupakan projek hasil tajaan Food Empire Holdings Ltd dan Zero1 Pte Ltd.

Kini Cik Mirah yang bekerja sebagai pelayan di sebuah restoran, bukan sekadar menggunakan telefon bimbitnya untuk melungsur perkhidmatan pemerintah, beliau turut menggunakannya untuk membuat dan menerima bayaran, termasuk gaji daripada majikannya.

Seorang lagi bekas banduan, Encik Rahman (juga bukan nama sebenar), 41 tahun, menyedari betapa pentingnya telefon bimbit sejak semasa dalam penjara.

Bapa tiga anak yang telah habiskan sekitar 20 tahun di balik jeriji, selepas enam kali keluar masuk penjara, mengakui beliau masih terkial-kial untuk membiasakan diri dengan penggunaan telefon bijak.

“Awak tengok saya masih hadapi masalah untuk masuk gunakan kata kunci untuk melungsur em-mel saya, apatah lagi laman pemerintah.”

“Tapi saya akan terus belajar untuk biasakan diri dengan penggunaan telefon bijak,” katanya.



Semasa ditemui, Pengerusi Eksekutif Food Empire Holdings Limited, Encik Tan Wang Cheow, berkata:

“Dalam konteks hari ini, perhubungan menjadi kian penting untuk kehidupan seseorang.”

“Justeru kami menyokong projek ini bagi memastikan penerima bantuan dihubungkan semula kepada masyarakat, dan terutamanya Iscos.”

Ketua Pegawai Eksekutif (CEO) Zero1 Pte Ltd, Encik Stuart Tan, pular berharap telefon bijak dan data telefon tanpa had itu akan dapat meredakan beban kewangan sedang golongan tersebut berintegrasi dengan masyarakat.

Setiap tahun, Iscos menerima antara 800 dengan 1000 bekas banduan sebagai anggota baru dan juga membantu ratusan anggota lain yang sedia ada berdasarkan keperluan mereka yang berbeza.



Translation:

Ex-offenders' mobile phones equipped with app to connect with ISCOS and employers

By Farid Hamzah

For close to four years, Ms Mirah (not her real name) had been jailed for drug offences.

During this time, she was thinking about how she can prepare and adapt to society – especially with her new employer.

“While in prison, we were taught about the application of digital technology, and how it would affect our lives after our release.”

“It was even more important when we started working because we needed to communicate with our employers.”

“But I also thought about how I can communicate, given that my (old) mobile phone was broken,” said the mother of four, who was released on 25 November.

Fortunately for her and several other ex-offenders who shared similar fate, they were introduced to the Industrial & Services Co-Operative Society (Iscos) and found out about Project “Give A Line, Change A Life”.

Under the initiative, newly released ex-offenders are eligible for free smart phone equipped with an unlimited data plan for six months.

The smart phone also comes with a new pre-loaded new mobile app, which provides a communication platform with Iscos.

An estimated 500 ex-offenders are expected to benefit from the project that will continue to run until next year.

This is a project sponsored by Food Empire Holdings Ltd and Zero1 Pte Ltd.

Now Ms Mirah, who works as a waitress at a restaurant, not only uses her mobile phone to access government services, but also to make and receive payments, including salaries from her employer.

Another ex-offender, Mr Rahman (also not his real name), 41, realised the importance of mobile phones since his imprisonment.

The father of three children, who spent about 20 years behind bars, including six times in and out of prison, admits he is still struggling to get used to smart phones.

“You see, I’m still having trouble logging in with my password to access my emails, let alone government websites.”

“But I will continue to learn to get used to smartphones,” he said.



During the interview, Mr Tan Wang Cheow, Executive Chairman of Food Empire Holdings Limited said:

“In today’s context, connectivity has become increasingly important in everyone’s life.”

“Hence, we lent our support to this project to ensure that the beneficiaries are reconnected to the community, and especially Iscos.”

Mr Stuart Tan, CEO of Zero1 Pte Ltd hoped that smart phones and unlimited mobile data connectivity will ease the financial burden while the beneficiaries reintegrate into the society.

Every year, ISCOS welcomes an average of 800 to 1,000 ex-offenders as new members and also assists hundreds of existing members based on their different needs.